

13 MAR 2001

ANUGERAH-INDUSTRI

KERAJAAN MELAKA ANJUR ANUGERAH INDUSTRI MELAKA 2001

MELAKA, 13 Mac (Bernama) -- Kerajaan Melaka akan menganjurkan satu anugerah industri bagi syarikat-syarikat di sektor industri yang beroperasi di negeri ini pada April depan, kata Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

Beliau berkata anugerah industri itu yang pertama kalinya diadakan di negeri ini adalah sebagai usaha promosi dan memperkenalkan produk keluaran Melaka agar dapat bersaing dan menembus pasaran antarabangsa.

"Anugerah itu juga adalah sebagai insentif dalam usaha kerajaan negeri menarik lebih banyak pelabur supaya beroperasi di negeri ini terutama dalam sektor industri," katanya pada satu majlis meraikan syarikat yang berdaftar dengan Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini, hari ini.

Beliau berkata satu panel pemilihan akan menilai syarikat yang layak menerima anugerah tersebut berdasarkan penyertaan daripada syarikat terbabit.

Mengenai MITC yang mempunyai galeri pameran di Graha Umno di Jalan Hang Tuah di sini, Mohd Ali mahukan lebih banyak syarikat dalam sektor perindustrian yang beroperasi di negeri ini supaya mempamerkan hasil mereka.

"Sehingga kini hanya 75 daripada 496 syarikat dalam sektor industri di Melaka atau 15 peratus mempunyai ruang pameran di MITC," katanya.

Beliau berkata kadar sewa bagi syarikat yang mempamerkan produk mereka di galeri itu akan dikurangkan sebanyak 25 peratus selepas tempoh memperbaharui perjanjian pada Jun atau Julai ini.

Berikutan itu, syarikat yang membayar sewa RM6,000 sebulan akan dikurangkan kepada RM4,500 manakala yang menyewa RM3,000 dikurangkan kepada RM2,250.

Ruang galeri MITC Melaka yang beroperasi sejak pertengahan tahun lepas telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Januari tahun ini. -- Bernama

NO ZK